

HISBAH AKHLAK DALAM PENDIDIKAN SPIRITUAL BELIA

MARDZELAH MAKHSIN, NURULWAHIDA AZID @ AZIZ, MOHAMAD
FADHLI BIN ILIAS, SITI RUHAIDA MOKHTAR & SITI NURMAYA
JUMIRAN

ABSTRAK

Pendidikan spiritual berupaya menjadi tunjang dalam memastikan kestabilan emosi dalam kalangan belia. Golongan belia seharusnya disedarkan bahawa mereka perlu membentuk satu emosi yang stabil bagi menghadapi cabaran pada kini terutamanya isu berkaitan krisis identiti diri kerana golongan ini mudah terjerumus ke dalam gejala sosial yang tidak sihat. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada matlamat utamanya iaitu mengenal pasti hisbah akhlak dalam pendidikan spiritual belia. Kajian ini melibatkan 200 orang mahasiswa IPT yang terlibat dalam kajian tinjauan melalui soal selidik dan 9 orang dipilih dalam sesi temu bual. Soal selidik kajian terdiri amalan hisbah akhlak melibatkan enam komponen yang utama iaitu musyaratah (perjanjian hati), muraqabah (pemerhatian tingkah laku), muhasabah (perhitungan amalan), muaqabah (peneguhan rohani), mujahadah (penentangan nafsu) dan muatabah (penegasan jiwa). Data dianalisis secara deskriptif. Secara keseluruhannya, dapatan analisis deskriptif menunjukkan amalan hisbah akhlak pada aras interpretasi sederhana tinggi (min =3.82, sp=0.71). Secara amnya, amalan yang menunjukkan interpretasi sederhana tinggi adalah musyaratah (min=3.89, sp=0.66), muraqabah (min=3.84, sp=0.63), muhasabah (min=3.38, sp=0.78) muaqabah (min=3.81, sp=0.78) mujahadah (min=3.92, sp=0.67). Manakala amalan muatabah (min=4.09, sp=0.71) diinterpretasikan pada aras tinggi. Rumusan kajian menjelaskan amalan hisbah akhlak mampu memperbaiki tingkah laku serta akhlak menjadi lebih baik serta dapat mendekatkan diri dengan Allah S.W.T melalui amalan-amalan seperti membaca al-Quran, melakukan solat sunat dhuha dan tahujjud, berzikir, bersedekah dan sebagainya. Melalui amalan hisbah akhlak mahasiswa berupaya mengubah diri menjadi seorang insan yang bertakwa dan beriman kepada Allah S.W.T dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Kata Kunci: Pendidikan Spritual, Hisbah, Akhlak, Ketidakstabilan Emosi, Belia

ABSTRACT

Spirituality education has the potential to be the central pillar for emotional stability among the youth. It is important for the youth to have stable emotional states to meet today's challenges particularly on issues related to self-identity crisis which if unattended would contribute into an unhealthy social phenomenon. This study focuses on the primary objective of identifying hisbah character in spiritual education of youth. 200 students were involved in the IPT survey, and selected 9 respondents were selected for the interview. The questionnaire consisted of hisbah

character practices with six main components, namely musyaratah ((Promise of Heart), muraqabah (Observation of Behavior), introspection (Evaluation of Deeds), muaqabah (Spiritual Reinforcement), mujahadah (Fighting of Desires) and muatabah (Purification of Soul). Data were analyzed descriptively. Overall, the findings indicate hisbah character practices is moderately high (mean = 3.82, sd = 0.71). Generally, the practice of musyaratah is high (mean = 3.89, sd = 0.66), muraqabah (mean = 3.84, sd = 0.63), muhasabah (mean = 3.38, sd = 0.78) muaqabah (mean = 3.81, sd = 0.78) mujahadah (mean = 3.92, sd = 0.67). Muatabah (mean = 4.09, sd = 0.71) readings is interpreted as high. As a summary of the study, the hisbah character and practices can improve behavior and have the tendency to move the youth closer to Allah SWT through reciting the Quran, performing pray of dhuha and tahujjud, remembrance and charity. In addition, through hisbah character practice, student attempts to change himself into a man who believed and obey to Allah SWT instructions and leave all the bad deeds.

Keywords: *Spiritual Education, Hisba, Character, Emotion, Youth*

PENDAHULUAN

Aspek kerohanian dalam Islam adalah bersifat multi dimensi yang merangkumi isu kepercayaan, ibadah, etika beragama atau moral yang secara langsung melibatkan perhubungan antara manusia dan Pencipta serta perhubungan sesama manusia (Ramadan, 2004). Oleh itu, pendidikan spiritual memainkan peranan yang penting bagi menjamin keberkesanan sesuatu penyampaian serta perpindahan ilmu yang berlaku secara maksimum selaras dengan pembentukan insan yang kamil dan syamil. Menurut pandangan al-Ghazali, pendidikan bukan sekadar suatu proses untuk memenuhi akal dengan segala ilmu yang belum diketahui, tetapi pendidikan juga menekankan pendidikan akhlak dan jiwa melalui menanam diri dengan sifat terpuji, membiasakan diri dengan kesopanan yang tinggi dan mempersiapkan diri golongan belia dengan suatu kehidupan yang suci, ikhlas dan jujur (Abdul Salam, 2003; Hamka, 2003; Hasnan, 2008; Syed Omar, 2009; Muhammad Zul Helmi, 2010).

Dewasa ini, kebanyakan golongan belia dikatakan sedang berhadapan dengan satu konflik dalaman dengan diri sendiri sehingga menyebabkan ketegangan serta tekanan emosi pada diri mereka. Malahan, golongan ini sering menunjukkan sikap yang agresif, mudah memberontak, marah yang tidak dapat dikawal, kemurungan dan terlibat dengan masalah sosial. Oleh hal yang demikian, pendekatan hisbah akhlak dalam pendidikan spiritual dapat dijadikan sebagai asas dalam menangani segala masalah yang dihadapi oleh golongan belia pada hari ini kerana hisbah akhlak merupakan satu proses penghayatan dalam melahirkan rasa bertanggungjawab sebagai hamba Allah S.W.T. dan menganggap kerja yang dipikul sebagai ibadat yang sentiasa diberikan penilaian di dunia dan di akhirat.

SOROTAN KARYA

Pendidikan berasaskan spiritual merupakan teras daripada keyakinan bahawa aktiviti pendidikan merupakan satu ibadah kepada Allah SWT. Secara umumnya, pendidikan spiritual ini menjadikan aspek kerohanian sebagai potensi utama dalam menggerakkan setiap tindakan pendidikan dan pengajaran serta sumber inspirasi normatif dalam kegiatan pendidikan dan pengajaran. Di samping itu, asas utama kepada pendidikan spiritual adalah al-Quran dan hadith Nabi Muhammad SAW. Al-Quran memuat nilai dan ketentuan lengkap dalam kehidupan manusia. Selain itu, kedudukan hadis Nabi menduduki sumber kedua berperanan sebagai penjelas terhadap isyarat-isyarat hukum dan nilai-nilai yang terdapat dalam al-Quran.

Kecerdasan spiritual dari sudut pandangan Islam menghubungkan potensi dalaman yang efektif (jiwa, hati dan roh) dengan aktiviti kognitif (Shahibuddin, 2000). Perkara ini merupakan sesuatu yang penting dan amat ditekankan dalam ajaran Islam kerana perkara ini amat berkait rapat dengan etika dan moral manusia (Fatimah, 2012). Ianya merupakan salah satu sebab mengapa Allah SWT telah mengurniakan manusia dengan bimbingan para Nabi dan Rasul agar membentuk peribadi dan sahsiah manusia yang sempurna seperti mana yang dinyatakan di dalam al-Quran: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)” (Qur’an, 33:21).

Justeru, hisbah akhlak dalam pendidikan spiritual merupakan adalah suatu usaha menyedarkan mukmin untuk berakhlak melalui penghayatan keagamaan dan kerohanian yang kukuh dan selari dengan fitrah dan kehendak Islam. Hisbah melibatkan konsep al-amr bi al-ma’ruf wa al-nahy an al-munkar iaitu menyuruh kepada kebaikan dan melarang kepada kemungkaran. Hal ini ditegaskan oleh Ibn Khaldun di dalam kitabnya iaitu Muqaddimah (2002), dimana beliau mentakrifkan hisbah sebagai tugas yang mengajak kepada perkara makruf dan menegah daripada melakukan perkara mungkar. Dalam konteks ini, hisbah merangkumi satu skop yang meluas, dalam melaksanakan suruhan seperti yang disyariatkan dan menegah perkara yang telah diharamkan dalam Islam. Amalan hisbah ini melibatkan enam komponen yang utama iaitu musyaratah (perjanjian hati), muraqabah (pemerhatian tingkah laku), muhasabah (perhitungan amalan), muaqabah (peneguhan rohani), mujahadah (penentangan nafsu) dan muatabah (pengelasan jiwa).

Musyaratah (Perjanjian Hati)

Musyaratah (perjanjian hati) ialah membuat persyaratan melalui ikatan hati. Hati merupakan pusat ingatan dan pemahaman (al-Razi, 2000). Hati juga dapat berinteraksi dengan akal untuk meraih kesejahteraan dan kemakmuran melalui kecerdasan intelektual, emosi, moral, spiritual dan agama yang dikategorikan sebagai perilaku kalbu (Hasnan, 2008; Rusdin, 2011). Perilaku kalbu berbeza mengikut niat dan motivasi yang dimiliki oleh seseorang (Ahmad Faried, 2004)

dalam melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran demi ketakwaan kepada Allah (Hamka, 2003; Tohirin, 2009; Ibrahim, 2010). Perilaku kalbu dikenali juga kecerdasan qalbiyah yang terdiri sifat rendah hati kepada Allah, zuhud, warak, mengharapkan kebaikan, mengaplikasikan ilmu pengetahuan untuk kebaikan, berwaspada dengan tingkah laku, ikhlas, istiqamah, tawakal, sabar, redha, syukur, malu, jujur, mendahului kepentingan orang lain, tawaduk, amar makruf dan nahi mungkar, menerima seadanya dan bertakwa kepada Allah S.W.T (Hamka, 2003; Tohirin, 2009; Ibrahim, 2010).

Muraqabah (Pemerhatian Tingkah Laku)

Muraqabah (pemerhatian tingkah laku) melibatkan aktiviti diri dengan menyedari bahawa segala tingkah laku di bawah pemerhatian kekuasaan Allah S.W.T. (Al-Waqiah: 63-64, 68-69, al-An'am:50). Muraqabah dilaksanakan bertujuan untuk memastikan segala tingkah laku manusia adalah bermatlamatkan kepada ketaatan kepada Allah S.W.T. (Al-Baqarah:238,285, Ali-Imran: 17,146, al-Maidah:7, al-Nisa:69, al-Maidah:7). Muraqabah juga dapat melindungi manusia daripada terjebak dengan was-was syaitan yang bermotifkan kepada dorongan menyesatkan manusia daripada mentaati Allah S.W.T (Al-Baqarah: 36, al-Nahl: 98, al-A'raf: 53, al-Haq: 53). Oleh yang demikian, muraqabah dapat memastikan diri sentiasa mematuhi amar makruf dan meninggalkan kemungkaran yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. (Al-Baqarah:160, al-Nisa:16, al-Maidah:62,68, 100, Hud 122).

Muhasabah (Perhitungan Amalan)

Muhasabah (perhitungan amalan) ialah membuat pertimbangan terhadap amalan yang dilakukan dalam urusan kehidupan dengan merenung kembali dan memperbaiki amalan demi kerana Allah S.W.T. Muhasabah juga dikenali sebagai muhasabah diri dalam mengenali diri sendiri dengan segala kekurangan yang dimiliki. Muhasabah dilakukan bertujuan untuk mengenal had diri hingga mencapai jiwa yang tenang. Jiwa yang tenang ialah jiwa yang memiliki keimanan dan ketenteraman dalam mengenal Allah S.W.T (Abu Umar Basyir 2005; Ibn Sina 2009; Zuridan 2010).

Muaqabah (Peneguhan Rohani)

Muaqabah (peneguhan rohani) merupakan penilaian hasil kerja yang dilakukan melalui proses penelitian terhadap kekurangan amalan-amalan yang telah dilakukan kerana kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Antara amalan muaqabah ialah berdoa (Al-Baqarah: 126, ali Imran: 38, al-A'raf: 151, al-Qisas: 24, al-Isra' 11, Taha: 25, al-Anbiya': 83, 90, Al-Ahzab: 71, Saba: 9, al-Furqan: 65, 74), membaca al-Quran (Al-Baqarah: 44, ali-Imran: 78, 113,133, Yusuf: 2, 15, al-Zhakhof: 3, al-Fathir: 7, 29, al-Qiyamat: 16, al-Safat: 3, al-A'la:6, al-Naml: 92, al-Qisas: 45, al-Ankabut: 48), solat (Al-Baqarah: 3, al-Maidah: 6, al-Nisa': 102, 103, al-An'am: 72, al-Anfal: 3,35, al-Ahzab: 33, al-Sajadah: 16, al-A'la: 15, al-Taubah: 11, 18, Hud: 114, al-Isra' 78, 79), puasa (Al-Baqarah: 93, 183,184, 185, 187, 196, al-Nisa': 92, al-Maidah: 89, 95, al-Ahzab: 35, al-Mujadalah: 4), zikir (Al-Sajadah: 15, al-Saafat: 143, al-Isra': 44, al-Hashr: 1, al-Hadid: 1, Saad: 19, al-Nasr: 3, al-Ghuma: 1, al-Thagabun: 1) dan sedekah (Al-Baqarah: 263, 273, 268, al-Maidah: 12, al-Sajadah:

27, al-Mujadalah: 13, al-Fussliat: 7, al-Taubah: 103, al-Rom: 39).

Mujahadah (Penentangan Nafsu)

Mujahadah (penentangan nafsu) ialah berusaha bersungguh-sungguh melawan kehendak hawa nafsu. Istilah mujahadah berasal daripada perkataan jihad, iaitu berusaha dengan sepenuh kesungguhan, kekuatan dan kesanggupan pada jalan yang diyakini benar. Menurut al-Ghazali (2004), mujahadah secara dasarnya melawan hawa nafsu dengan menundukkan hawa nafsu untuk mengikut kehendak Allah dalam setiap perkara. Mujahadah dilakukan untuk mengawal kekuatan amarah dan syahwat (keinginan) dalam diri manusia yang mengumpulkan sifat-sifat tercela dan sentiasa mendorong manusia untuk melakukan amal kejahatan.

Muatabah (Penegasan Jiwa)

Muatabah (penegasan jiwa) melibatkan elemen roh, qalb, aqal dan al-naf (Ansari, 1992; Mostafa, 1994; 1995; 2000; 2009; Abdul Salam, 2003) sebagai punca dalam membentuk niat kepada tingkah laku luaran dan perbuatan manusia. Justeru, amalan muatabah dapat membuka hati manusia untuk menerima kebenaran dan hakikat ketuhanan dengan hidayah dan petunjuk Allah (Ibn Sina 2009; Mostafa 2009). Muatabah juga adalah proses mendidik diri mencapai ke jiwa yang mutmainah (Al-Baqarah: 248, al-Fajr: 27, al-Zumar: 42, al-Taubah: 20, 88, 111, al-Qisas: 19).

KAEDAH KAJIAN

Perkara utama yang dibincangkan dalam kaedah kajian ini meliputi semua aspek yang berkaitan dengan prosedur kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini terdapat huraian yang meliputi reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, persampelan, instrumen kajian, kesahan instrumen kajian, kebolehppercayaan instrumen kajian, prosedur mengumpul data, kaedah yang digunakan dalam menganalisis data dan menjelaskan teknik melaporkan hasil dapatan kajian (Clark & Cresswell 2010).

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah gabungan antara kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif merupakan satu usaha membentuk prinsip dan peraturan yang umum. Manakala, kaedah kualitatif pula menekankan kepentingan pengalaman subjektif individu yang perlu dianalisis secara kualitatif. Kajian kualitatif juga dirujuk sebagai kajian naturalistik kerana penyelidik mengutip data di lokasi kajian yang semula jadi. Pengumpulan data utama dalam penyelidikan kualitatif ini ialah temubual. Penyelidikan berbentuk kualitatif digunakan dalam kajian ini kerana untuk mendapatkan maklumat secara mendalam. Manakala, pengumpulan data secara kuantitatif juga dilakukan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Dengan kata lain setiap penyelidikan bermula dengan masalah, bukan metodologi. Setelah ada permasalahan barulah data-data dicari melalui metodologi-metodologi dan strategi pilihan sesuai (Zakaria, 2004).

Populasi Kajian

Kajian ini melibatkan golongan belia yang terdiri daripada 200 pelajar dari Universiti Utara Malaysia (UUM) meliputi pelbagai bidang pengajian. Mereka terdiri daripada pelajar *College of Arts and Science* (CAS), *College of Law, Government and International Studies* (COLGIS) dan *College of Business* (COB). Pengkaji memilih populasi mengikut nilai homogenus atau keseragaman populasi yang sebaya terutamanya dari aspek umur, jantina, keputusan PNGK dan lain-lain.

INSTRUMEN KAJIAN

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set soal selidik yang terdiri daripada soalan yang berkaitan. Teknik soal selidik digunakan kerana ia mempunyai kelebihan. Sekaran (1992), berpendapat bahawa kajian soal selidik bagi mendapatkan data merupakan cara terbaik dalam pengumpulan maklumat. Terdapat banyak instrumen yang dihasilkan untuk mengukur sikap. Responden dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan secara bertulis berdasarkan arahan yang disertakan. Manakala, bagi kaedah temu bual soalan-soalan yang dikemukakan adalah berbentuk soalan terbuka. Penyelidik menggunakan soalan berbentuk terbuka dengan menyediakan terlebih dahulu transkrip soalan yang akan digunakan untuk mendapat maklumat dan tindak balas responden. Responden pelajar termasuklah pengetahuan untuk menangani tekanan emosi.

Soal Selidik

Dalam kajian ini pendekatan kuantitatif dipilih dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan deskriptif bagi mengenal pasti amalan hisbah akhlak. Dalam kajian ini, reka bentuk tinjauan (survey) dengan menggunakan kaedah soal selidik telah digunakan. Kaedah tinjauan didapati sesuai dalam pengurusan kajian seperti ini kerana tinjauan yang hendak dilakukan hanya mengenai sikap responden terhadap tajuk persoalan yang dikemukakan. Pembolehubah bebas dalam kajian ini melibatkan demografi pelajar UUM, tahap pendidikan samada Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana, dan keputusan pencapaian akademik (PNGK). Manakala pembolehubah bersandar melibatkan enam komponen dalam amalan hisbah akhlak pelajar. Maka dengan itu, pemboleh ubah bebas dan bersandar menjadi dasar dalam pembinaan instrumen soal selidik kajian ini. Menjelaskan lagi keadaan ini, pembinaan instrumen kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan mengadaptasi instrumen yang merujuk kepada soal selidik Kamarul Azmi (2010), Mohd Aderi (2008) Azhar (2006) dan Othman (1995).

Temubual

Reka bentuk kualitatif adalah bersesuaian bagi kajian penerokaan (Crawford & Irving 2009). Kajian kualitatif adalah reka bentuk kajian anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian (Trochim, 2006). Pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data kualitatif tentang amalan hisbah akhlak dalam kalangan pelajar UUM. Kaedah temu bual bersemuka ialah salah satu daripada

cara pengumpulan data yang dilakukan dengan menemu bual secara langsung. Responden yang dipilih sebagai subjek kajian. Cara temu bual dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk mendapatkan gambaran dan jawapan yang lebih mendalam dalam situasi yang terkawal.

DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif telah dilakukan untuk menjawab soalan kajian. Tujuan analisis deskriptif dilakukan adalah untuk mengenal pasti amalan hisbah akhlak dalam pendidikan spiritual belia. Analisis deskriptif ialah teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Seterusnya, yang dianalisis diinterpretasikan skor min mengikut dimensi tingkah laku afektif yang diperkenalkan oleh Nunally (1978).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

Skor min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.01 – 2.00	Rendah

(Sumber: Nunally, 1978)

Tahap Hisbah Akhlak

Tahap hisbah terdiri daripada enam komponen iaitu musyaratah (Perjanjian hati), muraqabah (Pemerhatian tingkah laku), muhasabah (Perhitungan amalan), muaqabah (Peneguhan rohani), mujahadah (Penentangan nafsu), dan muatabah (Penegasan jiwa). Semua komponen dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti tahap hisbah akhlak yang diamalkan oleh golongan belia.

Jadual 2: Skor Min Hisbah

Komponen	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Musyaratah (Perjanjian hati)	3.89	0.66	Sederhana Tinggi
Muraqabah (Pemerhatian tingkah laku)	3.84	0.63	Sederhana Tinggi
Muhasabah (Perhitungan amalan)	3.38	0.78	Sederhana Tinggi
Muaqabah (Peneguhan rohani)	3.81	0.78	Sederhana Tinggi
Mujahadah (Penentangan nafsu)	3.92	0.67	Sederhana Tinggi
Muatabah (Pembersihan jiwa)	4.09	0.71	Tinggi
JUMLAH	3.82	0.71	Sederhana Tinggi

Berdasarkan Jadual 2 di atas, min purata keseluruhan item berada pada aras interpretasi sederhana tinggi (min =3.82, sp=0.71). Komponen musyaratah (perjanjian hati) (min=3.89, sp=0.66) diinterpretasikan pada aras sederhana tinggi. Muraqabah (Pemerhatian tingkah laku) (min=3.84, sp=0.63) diinterpretasikan pada aras sederhana tinggi. Seterusnya, muhasabah (Perhitungan amalan) (min=3.38, sp=0.78) diinterpretasikan pada aras sederhana tinggi. Muaqabah (Peneguhan rohani) (min=3.81, sp=0.78) diinterpretasikan pada aras sederhana tinggi. Mujahadah (Penentangan nafsu) (min=3.92, sp=0.67) diinterpretasikan pada aras sederhana tinggi. Akhir sekali, muatabah (Pembersihaan jiwa) (min=4.09, sp=0.71) diinterpretasikan pada aras tinggi.

Analisis Deskriptif Musyaratah (Perjanjian hati)

Analisis secara deskriptif bagi komponen hisbah akhlak Musyaratah (Perjanjian hati) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi hisbah akhlak adalah seperti dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Analisis Deskriptif Musyaratah (Perjanjian hati)

Pernyataan	STS	TS	AS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Setelah bangun tidur saya berfikir untuk berakhlak mulia	1 (0.5)	2 (1.1)	33 (17.5)	67 (35.4)	86 (45.5)	4.24	0.92	Tinggi
Saya berjanji dalam hati untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran	2 (1.1 %)	3 (1.6 %)	23 (12.2 %)	77 (40.7 %)	84 (44.4 %)	4.26	0.78	Tinggi
Saya mendidik jiwa dengan melakukan amalan membaca mathurat	0	3 (1.6 %)	28 (14.8 %)	63 (33.3 %)	95 (50.3%)	4.32	0.97	Tinggi
Saya mengambil berat tentang kesihatan rohani dengan menjauhi sifat sombong dan kedekut	0	5 (2.6 %)	17 (9.0 %)	71 (37.6 %)	96 (50.8 %)	4.37	0.78	Tinggi
Saya menyedari tentang peranan akal,jiwa,hati dan rohani yang berperanan penting dalam menghasilkan niat yang ikhlas dalam melakukan kebaikan kerana Allah	0	6 (3.2 %)	49 (25.9 %)	68 (36.0 %)	66 (34.9%)	4.03	0.80	Tinggi
Jumlah						4.24	0.85	Tinggi

Jadual 3 di atas menunjukkan analisis deskriptif Musyaratah (Perjanjian hati). Setelah bangun tidur saya berfikir untuk berakhlak mulia 45.5% setuju daripada golongan belia (min=4.24, sp=0.92). Saya berjanji dalam hati untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran 44.4% sangat setuju (min=4.26, sp=0.78). Saya mendidik jiwa dengan melakukan amalan membaca

maturat 50.3% sangat setuju (min=4.32, sp=0.97). Saya mengambil berat tentang kesihatan rohani dengan menjauhi sifat sombong dan kedekut 50.8% sangat setuju (min=4.37, sp=0.78). Saya menyedari tentang peranan akal, jiwa, hati dan rohani yang berperanan penting dalam menghasilkan niat yang ikhlas dalam melakukan kebaikan kerana Allah 36.0% setuju (min= 4.03, sp=0.80).

Analisis Deskriptif Muraqabah (Pemerhatian tingkah laku)

Analisis secara deskriptif bagi komponen hisbah akhlak muraqabah (Pemerhatian tingkah laku) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi hisbah akhlak adalah seperti dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 5: Analisis Deskriptif Muraqabah (Pemerhatian Tingkah Laku)

Pernyataan	STS	TS	AS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya berhati-hati dengan amalan yang dilakukan	2 (1.1 %)	3 (1.6 %)	44 (23.3 %)	97 (51.3%)	43 (22.8 %)	3.93	0.79	Sederhana Tinggi
Saya memerhati tingkah laku baik manusia	2 (1.1 %)	3 (1.6 %)	41 (21.7 %)	90 (47.6 %)	53 (28.0 %)	4.00	0.81	Tinggi
Saya berwaspada dengan manusia yang berakhlak buruk	1 (0.5%)	7 (3.7%)	49 (25.9 %)	82 (43.4 %)	50 (26.5 %)	3.92	0.85	Sederhana Tinggi
Saya mengawal diri dengan keinginan untuk hidup mewah dan bangga dengan kekayaan dunia	6 (3.2 %)	15 (7.9 %)	60 (31.7 %)	74 (39.2%)	34 (18.0 %)	3.61	0.98	Sederhana Tinggi
Saya mengambil sesuatu keputusan berdasarkan kepada kepatuhan amar makruf dan menjauhi kemungkaran.	1 (0.5%)	9 (4.8 %)	52 (27.5%)	94 (49.7 %)	33 (17.5 %)	3.79	0.80	Sederhana Tinggi
Jumlah						3.85	0.85	Sederhana Tinggi

Saya berhati-hati dengan amalan yang dilakukan 51.3% setuju (min=3.93, sp=0.79). Saya memerhati tingkah laku baik manusia 47.6% setuju (min=4.00, sp=0.81). Saya berwaspada dengan manusia yang berakhlak buruk 43.4% setuju (min=3.92, sp=0.85). Saya mengawal diri dengan keinginan untuk hidup mewah dan bangga dengan kekayaan dunia 39.2% setuju (min=3.61, sp=0.98). Saya mengambil sesuatu keputusan berdasarkan kepada kepatuhan amar makruf dan menjauhi kemungkaran 49.7% setuju (min=3.79, sp=0.80).

Analisis Deskriptif Muhasabah (Perhitungan amalan)

Analisis secara deskriptif bagi komponen hisbah akhlak Muhasabah (Perhitungan amalan) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi hisbah akhlak adalah seperti dalam Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Analisis Deskriptif Muhasabah (Perhitungan Amalan)

Pernyataan	STS	TS	AS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya mengira amalan dosa yang dilakukan	9 (4.8%)	28 (14.8%)	66 (34.9 %)	58 (30.7%)	28 (14.8%)	3.36	1.10	Sederhana Tinggi
Saya mencatat amalan yang baik mendapat pahala dan amalan mungkar mendapat dosa	18 (9.5%)	45 (23.8 %)	61 (32.3 %)	47 (24.9 %)	18 (9.5%)	3.01	1.12	Sederhana Tinggi
Apabila saya ingin melakukan sesuatu perbuatan,saya akan mengingati diri bahawa setiap amalan dicatat oleh malaikat akan dihitung di Padang Mashyar	4 (2.1 %)	15 (7.9 %)	53 (28.0 %)	78 (41.3 %)	39 (20.6 %)	3.70	0.96	Sederhana Tinggi
Saya meminta rakan saya mengkritik tingkah laku buruk yang saya lakukan	7 (3.7%)	19 (10.1%)	60 (31.7 %)	75 (39.7 %)	28 (14.8%)	3.52	0.99	Sederhana Tinggi
Saya menimbang amalan yang dilakukan sama ada layak ke syurga atau neraka	11 (5.8 %)	27 (14.3%)	67 (35.4 %)	58 (30.7 %)	26 (13.8 %)	3.32	1.07	Sederhana Tinggi
Jumlah						3.38	1.05	Sederhana Tinggi

Jadual 6 menunjukkan analisis deskriptif Muhasabah (Perhitungan amalan). Saya mengira amalan dosa yang dilakukan 34.9% agak selalu (min=3.36, sp=1.10). Saya mencatat amalan yang baik mendapat pahala dan amalan mungkar mendapat dosa 32.3% agak selalu (min=3.01, sp=1.12). Apabila saya ingin melakukan sesuatu perbuatan, saya akan mengingati diri bahawa setiap amalan dicatat oleh malaikat akan dihitung di Padang Mashyar 41.3% (min=3.70, sp=0.96). Saya meminta rakan saya mengkritik tingkah laku buruk yang saya lakukan 39.7% setuju (min=3.52, sp=0.99). Saya menimbang amalan yang dilakukan sama ada layak ke syurga atau neraka 35.4% agak selalu (min=3.32, sp=1.07).

Analisis Deskriptif Muaqabah (Peneguhan Rohani)

Analisis secara deskriptif bagi komponen hisbah akhlak Muaqabah (Peneguhan rohani) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi hisbah akhlak adalah seperti dalam Jadual 7 berikut:

Jadual 7: Analisis Deskriptif Muaqabah (Peneguhan Rohani)

Pernyataan	STS	TS	AS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya gelisah jika tidak berdoa kepada Allah	5 (2.6 %)	7 (3.7%)	39 (20.6 %)	86 (45.5 %)	52 (27.5 %)	3.92	0.93	Sederhana Tinggi
Saya susah hati jika selepas bersedekah wujud sifat tamak dalam diri	10 (5.3 %)	16 (8.5%)	40 (21.2 %)	68 (36.0%)	55 (29.1 %)	3.75	1.12	Sederhana Tinggi

Saya membaca al-Quran untuk menguatkan diri mengingati Allah	4 (2.1%)	12 (6.3%)	44 (23.3%)	71 (37.6%)	58 (30.7%)	3.88	0.99	Sederhana Tinggi
Saya menginsafi diri di atas kesilapan yang dilakukan dengan berzikir kepada Allah	3 (1.6%)	9 (4.8%)	43 (22.8%)	74 (39.2%)	60 (31.7%)	3.95	0.94	Sederhana Tinggi
Saya berpuasa untuk menutup keinginan hawa nafsu	5 (2.6%)	21 (11.1%)	65 (34.4%)	63 (33.3%)	35 (18.5%)	3.54	1.00	Sederhana Tinggi
Jumlah						3.81	1.00	Sederhana Tinggi

Berdasarkan Jadual 7 di atas, analisis deskriptif Muaqabah (Peneguhan rohani) ditunjukkan. Saya gelisah jika tidak berdoa kepada Allah 45.5% setuju (min=3.92, sp=0.93). Saya susah hati jika selepas bersedekah wujud sifat tamak dalam diri 36.0% setuju (min=3.75, sp=1.12). Saya membaca al-Quran untuk menguatkan diri mengingati Allah 37.6% setuju (min=3.88, sp=0.99). Saya menginsafi diri di atas kesilapan yang dilakukan dengan berzikir kepada Allah 39.2% setuju (min=3.95, sp=0.94). Saya berpuasa untuk menutup keinginan hawa nafsu 34.4% agak setuju (min=3.54, sp=1.00).

Analisis Deskriptif Mujahadah (Penentangan Nafsu)

Analisis secara deskriptif bagi komponen hisbah akhlak Mujahadah (Penentangan nafsu) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi hisbah akhlak adalah seperti dalam Jadual 8 berikut:

Jadual 8: Analisis Deskriptif Mujahadah (Peneguhan Rohani)

Pernyataan	STS	TS	AS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya berusaha mengawal keinginan perut untuk makan berlebihan	8 (4.2%)	22 (11.6%)	59 (31.2%)	69 (36.5%)	31 (16.4%)	3.49	1.04	Sederhana Tinggi
Saya berusaha mengawal diri saya daripada menurut nafsu syahwat seperti melihat bahan lucah	5 (2.6%)	10 (5.3%)	38 (20.1%)	83 (43.9%)	53 (28.0%)	3.89	0.96	Sederhana Tinggi
Saya berusaha menentang amalan syirik seperti mohon keramat daripada kubur	4 (2.1%)	4 (2.1%)	27 (14.3%)	63 (33.3%)	91 (48.1%)	4.23	0.92	Sederhana Tinggi
Saya berusaha menentang kezaliman yang menindas masyarakat Islam	2 (1.1%)	9 (4.8%)	40 (21.2%)	71 (37.6%)	67 (35.4%)	4.02	0.92	Tinggi
Saya berusaha menentang dorongan syaitan yang mengajak kepada kejahatan	3 (1.6%)	6 (3.2%)	38 (20.1%)	86 (45.5%)	56 (29.6%)	3.98	0.88	Sederhana Tinggi
Jumlah						3.92	0.94	Sederhana Tinggi

Jadual 8 menunjukkan analisis deskriptif Mujahadah (Peneguhan rohani). Saya berusaha mengawal keinginan perut untuk makan berlebihan 36.5% setuju (min=3.49, sp=1.04). Saya berusaha mengawal diri saya daripada menurut nafsu syahwat seperti melihat bahan lucah 43.9% setuju (min=3.89, sp=0.96). Saya berusaha menentang amalan syirik seperti mohon keramat daripada kubur 48.1% sangat setuju (min=4.23, sp=0.92). Saya berusaha menentang kezaliman yang menindas masyarakat Islam 37.6% setuju (min=4.02, sp=0.92). Saya berusaha menentang dorongan syaitan yang mengajak kepada kejahatan 45.5% setuju (min=3.98, sp=0.88).

Analisis Deskriptif Muatabah (Pembersihan jiwa)

Analisis secara deskriptif bagi komponen hisbah akhlak Muatabah (Pembersihan jiwa) sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi hisbah akhlak adalah seperti dalam Jadual 9 berikut:

Jadual 9: Analisis Deskriptif Muatabah (Pembersihan Jiwa)

Pernyataan	STS	TS	AS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya mengutuk diri yang mudah terpedaya dengan dorongan melakukan perkara maksiat	2 (1.1 %)	10 (5.3%)	40 (21.2%)	77 (40.7 %)	60 (31.7 %)	3.97	0.92	Sederhana Tinggi
Saya mencela jiwa yang mengutamakan keseronokan dunia yang melekakan diri daripada mengingat Allah	2 (1.1 %)	8 (4.2%)	50 (26.5%)	82 (43.4%)	47 (24.9 %)	3.87	0.88	Sederhana Tinggi
Saya menyesali tentang kesalahan dosa yang dilakukan	2 (1.1 %)	5 (2.6%)	32 (16.9 %)	76 (40.2 %)	74 (39.2 %)	4.14	0.86	Tinggi
Saya berusaha mempertingkatkan amalan pahala	0 (%)	1 (0.5 %)	34 (18.0 %)	82 (43.4 %)	72 (38.1 %)	4.19	0.74	Tinggi
Saya berjanji untuk memperbaiki amalan diri agar memperoleh jiwa yang mutmainnah (jiwa yang tenang)	0 (%)	1 (0.5%)	28 (14.8%)	76 (40.2 %)	84 (44.4%)	4.29	0.73	Tinggi
Jumlah						4.09	0.83	Tinggi

Jadual 9 menunjukkan analisis deskriptif Muatabah (Pembersihan jiwa). Saya mengutuk diri yang mudah terpedaya dengan dorongan melakukan perkara maksiat 40.7% setuju (min=3.97, sp=0.92). Saya mencela jiwa yang mengutamakan keseronokan dunia yang melekakan diri daripada mengingat Allah 43.4 % setuju (min=3.87, sp=0.88). Saya menyesali tentang kesalahan dosa yang dilakukan 40.2 % setuju (min=4.14, sp=0.86). Saya berusaha mempertingkatkan amalan pahala 43.4% sangat suka (min=4.19, sp=0.74). Saya berjanji untuk memperbaiki amalan diri agar memperoleh jiwa yang mutmainnah (jiwa yang tenang) 44.4% setuju (min=4.29, sp=0.73).

Temu bual Hisbah Akhlak

- Penyelidik : Adakah anda mempunyai matlamat hidup? Jelaskan matlamat anda.
- Belia : Semua orang ada matlamat hidup masing-masing tetapi bagi saya, matlamat saya ialah ingin Berjaya mendapat PHD sebelum membantu keluarga dan mendapat pekerjaan yang bagus pada satu hari nanti.
- Penyelidik : Adakah anda memerhatikan tingkah laku sendiri?
- Belia : Ya, tingkah laku ini mempengaruhi cara kita bergaul terutamanya apabila bergurau bersama kawan-kawan. Malahan, sebagai anak dan muslimah.
- Penyelidik : Adakah anda selalu menilai diri sendiri sama ada baik ataupun buruk?
- Belia : Ok, sebagai manusia benda yang paling penting dalam hidup kita dalam satu kali itu kita perlu muhasabahkan diri sama ada kita ini berada di landasan yang betul. Malahan, kita perlu tahu tujuan dan target kita berada di Universiti ini.
- Penyelidik : Adakah anda memberi ganjaran atau hukuman kepada diri sendiri?
- Belia : Saya tidak pernah memberi ganjaran dan hukuman tetapi kadang-kadang kita raikanlah satu minggu itu kita belajar dan keluarlah bersama kawan-kawan. Itulah ganjarannya.
- Penyelidik : Adakah anda mengikut keinginan diri atau menentang keinginan diri?
- Belia : Ok, kadang-kadang kita ikut keinginan kita tetapi kita kena tahan nafsu kita contohnya daripada boros. Contohnya, kita minggu peperiksaan, kawan-kawan ajak keluar tak akan kita nak keluar. Oleh itu, kita perlulah ada pendirian dan jadi diri kita sendiri agar tidak cepat terpengaruh.
- Penyelidik : Nyatakan cara anda menyesali diri sendiri.
- Belia : Ok, cara saya menyesali diri ialah kalau sudah sedar yang tidak belajar maka belajarlah dan ingat tujuan serta target kita supaya sentiasa jaga target supaya tidak gagal dalam peperiksaan. Kalau boleh semua kertas kita lulus dengan baik dan dapat pointer yang baik.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, amalan hisbah akhlak ini mampu memperbaiki tingkah laku serta akhlak menjadi lebih baik serta dapat mendekatkan diri dengan Allah S.W.T melalui amalan-amalan sunat yang dilakukan seperti membaca al-Quran, melakukan solat sunat dhuha dan tahajjud, berzikir, bersedekah dan sebagainya. Melalui amalan hisbah ini, sedikit sebanyak dapat mengubah diri menjadi seorang hamba yang bertakwa dan beriman kepada Allah S.W.T dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Di samping itu, sentiasa mengawal sikap-sikap mazmumah yang wujud dalam diri individu dan sentiasa mengamalkan amalan-amalan mahmudah.

Selain itu, amalan hisbah yang dilakukan mampu membuka minda seseorang individu untuk mengenali dan melihat betapa besarnya nikmat dan kurniaan yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada hambanya. Dengan ini golongan belia akan sentiasa berasa bersyukur, redha, ikhlas serta tawakal dalam kehidupan seharian. Selain itu, belia juga akan membuat penilaian terhadap diri sendiri dan secara tidak langsung akan wujud perasaan insaf dan menyesali terhadap segala perbuatan yang dilakukan dalam kehidupan seharian dan segera memohon keampunan kepada Allah S.W.T serta berdoa agar segala kebaikan yang dilakukan diterima oleh Allah S.W.T.

Melalui amalan hisbah ini juga, belia dapat melatih diri menjadi seorang yang berdisiplin terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibadah. Sebagainya contohnya, melakukan kebaikan secara istiqamah dengan niat hanya untuk Allah S.W.T. Di samping itu, ianya juga mampu melatih diri belia menjadi seorang yang sabar di dalam setiap urusan yang dilakukan dan sentiasa bersyukur di atas nikmat yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada mereka. Selain itu, seseorang individu itu dapat mengawal diri mereka daripada melakukan perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan memudaratkan kehidupan mereka. Hal ini kerana individu itu mampu membuat penilaian di atas setiap amalan yang dilakukan sama ada baik atau buruk sesuatu perbuatan tersebut. Dengan melakukan amalan hisbah ini secara istiqamah, golongan ini dapat meningkatkan keimanan mereka serta sentiasa berusaha ke arah kehidupan yang lebih baik dan diredhai oleh Allah S.W.T. Justeru, kajian ini dapat membentuk kesedaran dalaman kepada golongan belia terhadap proses penghayatan amalan hisbah menerusi perjanjian hati, pemerhatian tingkah laku, perhitungan amalan, peneguhan rohani, penentangan nafsu dan penegasan jiwa.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Salam Yussof. 2003. Imam al-Ghazali: Pendidikan berkesan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abu Umar Basyir. 2005. Suci hati. Muhammad Albani (Pnyt). Indonesia: Al Qowam.

Ahmad Faried. 2004. Menyucikan jiwa: Konsep ulama Salaf. M. Azhari Hatim. Terj. Surabaya: Risalah Gusti.

Al-Ghazali. 2006. Rahsia mengenal nafsu dan cara mengawalinya. Mohd Rushdun Kamil. (Pnyt.). Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Al-Razi, Muhammad ibnu Umar. 2000. Ruh dan jiwa. Tinjauan filosofis dalam perspektif Islam. H. Mochtar Zoemi & Joko S. Kahhar. Terj. Surabaya: Risalah Gusti.

Ansari, Zafar Afaq (Eds.). 1992. Qur'anic concepts of human psyche. Islamabad: The International Institute of Islamic Thought.

- Azhar Ahmad. 2006. Strategi pembelajaran pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Clark,V.L. Plano & Cresswall, J.W. 2010. Understanding research a consumer's guide.New Jersey: Pearson Education.
- Fatimah Abdullah. 2012. Teaching Islamic Ethics and Ethical Training: Benefiting From Emotional and Spiritual Intelligence. International Journal of Humanities and Social Science, 2(3), 224-232.
- Hamka. 2003. Lembaga budi: Perhiasan insan cemerlang. Selangor: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Hasnan Kasan. 2008. Pendidikan remaja Muslim. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Sina. 2009. Psikologi Ibn Sina. M.S. Nasrulloh. Terj. Indonesia: Pustaka Hidayah.
- Ibrahim Abdul Muqtadir. 2010. Kebijaksanaan Luqman al-Hakim: 12 cara membendung kerosakan akhlak. Kuala Lumpur: Alam Raya Entrepise.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2010. Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mostafa Kamal Mokhtar. 1994. The treatise on the knowledge about the rational soul and its states by Ibn Sina: A critical edition and annotated translation. *AKADEMIKA*, 44: 45 71.
- Mostafa Kamal Mokhtar. 1995. Pembangunan rohani: Huraian kritis daripada aspek kerohanian. Dlm. Mostafa Kamal Mokhtar, Noor Rahamah Abu Bakar, Ong Puay Liu & Suhaimi Salleh (Eds.). *Karya Darma II: Kemanusiaan dalam pembangunan*. Bangi: Penerbitan Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mostafa Kamal Mokhtar. 2000. Pembangunan generik: Permasalahan ontologi epistemology dan metodologi. Dlm. Misran Rokimin, James Francis Ongkili, Azmi Aziz (Eds.). *Falsafah dan perabadian pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mostafa Kamal Mokhtar. 2009. Pembangunan rohani menurut prespektif tasawuf dan psikologi moden. Dlm. Khaidzir Ismail. *Psikologi Islam: Falsafah, teori dan aplikasi*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.

- Muhammad Zul Helmi. 2010. Kenal dan sucikan jiwamu. Kuala Lumpur: Mulia Terang Sdn. Bhd.
- Nunnally, J.C. 1978. Psychometric theory. New York: McGraw Hill.
- Othman Md Johan .1995. Kesan konsep sendiri terhadap tingkah laku murid-murid. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rusdin S. Rauf. 2011. Smart heart. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Sekaran, Uma. 1992. Research methods for business: A skill-building approach. Singapore: John Willey & Sons.
- Shahibuddin Laming. 2000. Some basic themes in the Qur'an. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Syed Omar Syed Agil 2009. Jiwa remaja: Melentur buluh biarlah daripada rebungunya. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien.
- Tohirin. Perspektif psikologi Islam tentang kecerdasan. Dlm. Khaidzir Hj. Ismail. 2009. Psikologi Islam: Falsafah, teori dan aplikasi. Kuala Lumpur. iBook Publication Sdn. Bhd.
- Zuridan Mohd Daud. 2010. Penyucian jiwa. Kuala Lumpur: Mus Read Sdn. Bhd.

Profil Penulis:

Mardzelah binti Makhsin, Phd

Pensyarah Kanan

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,

Universiti Utara Malaysia.

Nurulwahida binti Azid @ Aziz, Phd

Pensyarah Kanan

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden

Universiti Utara Malaysia

Mohamad Fadhli bin Ilias

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden

Universiti Utara Malaysia